

Tujuh pusat pemindahan menempatkan penduduk 18 kampung terjejas

1,000 mangsa banjir di Baling pindah


Oleh NORLIA RAMLI

BALING — Lebih 1,000 penduduk di 18 buah kampung di mukim Siong, Bongor, Pulau dan Kupang terjejas apabila rumah mereka dinaiki air lebih satu meter akibat limpahan Sungai Ketil ekoran hujan lebat sejak dua hari lalu.

Daripada jumlah itu, sebanyak 608 penduduk daripada 136 keluarga telah dipindahkan ke tujuh pusat pemindahan yang mula dibuka sejak kelmarin.

Antara kampung yang terlibat adalah Kampung Batu 60, Bukit Sebelah, Paya Siput, Chenerai Kampung Kota Mukim Siong, Kampung Banggol Derom, Bongor Baru, Lahar, Batu 48, Haji Abas, Bawah Gunung dan Kampung Jenalik dan Kampung Tanjung Merbau.

Pusat pemindahan yang dibuka pula adalah di Kompleks Rakan Muda Batu 42, Dewan Bang-



SEKUMPULAN penduduk kampung berdiri di hadapan rumah mereka yang dinaiki air banjir ekoran limpahan Sungai Ketil di Baling semalam.

gol Derom, Dewan Baru Bongor, Tabika Gua Reban, Dewan Kampung Charok Sikin, Dewan Kampung Lahar dan Dewan Kampung Bawah Gunung.

Pemindahan mangsa-mangsa banjir dibantu oleh pasukan penyelamat pelbagai agensi seperti

polis, bomba, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia, Jabatan Sukarelawan Malaysia dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Pegawai JKM Baling, Shamsul Izrin Isahak berkata, bantuan segera seperti makanan, tilam,



MANGSA banjir yang terdiri daripada wanita baru bersalin bersama bayi mereka di tempatkan di pusat pemindahan di Kompleks Rakan Muda Batu 42, Baling semalam.

bantal, selimut dan lampin pakai buang telah disalurkan kepada mangsa-mangsa banjir yang ditempatkan di pusat pemindahan.

“Pasukan perubatan turut

melakukan pemantauan di semua pusat pemindahan bagi memastikan keadaan mangsa bebas daripada penyakit disebabkan banjir,” ujarnya kepada *Kosmo! Ahad* di sini semalam.